

RAJANG AREA SECURITY COMMAND (RASCOM):
OPERASI MENENTANG ANCAMAN KOMUNIS DI BAHAGIAN
SARIKEI, 1972-1981.

**RAJANG AREA SECURITY COMMAND (RASCOM): OPERATION
AGAINST COMMUNIST THREAT IN SARIKEI DIVISION, 1972-1981.**

Anita Dilam anak Jalan

SK Nanga Pakan, D/A Pejabat Pendidikan Daerah Julau, 96600 Julau Sarawak

E-mail: anitadilam@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji tentang penubuhan dan peranan RASCOM dalam menangani ancaman komunis di bahagian Sarikei dari tahun 1972 hingga 1981. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip telah digunakan untuk menjawab dua soalan kajian dengan memperoleh sumber utama seperti dokumen dan manuskrip yang terdapat di Arkib Negara Cawangan Negeri Sarawak. Data kajian turut diperoleh daripada sumber kedua melalui kajian perpustakaan. Analisis data dalam kajian ini berdasarkan teori hermeneutik dalam tafsiran sejarah. Dapatan kajian menunjukkan ancaman-ancaman komunis yang berlaku di bahagian Sarikei pada sekitar tahun 1972 hingga 1981 terbahagi kepada dua iaitu ancaman subversif dan ancaman keselamatan. Dapatan kajian juga menunjukkan RASCOM telah melancarkan pelbagai bentuk operasi dalam menangani ancaman komunis di bahagian Sarikei pada sekitar tempoh tersebut. Kesimpulan kajian menunjukkan bahawa RASCOM telah memainkan peranan penting dalam menangani ancaman komunis di bahagian Sarikei melalui pelaksanaan pelbagai operasi yang ternyata telah memberi impak yang positif. Implikasi kajian menunjukkan bahawa peranan RASCOM dalam menangani ancaman komunis dan mewujudkan keamanan yang dikehendaki di negeri Sarawak, khasnya di bahagian Sarikei wajar diberi penghargaan dan pengiktirafan dalam konteks pencegahan Sarawak.

Kata kunci: RASCOM, komunis, Sarikei, Sarawak